

Penyenaraian Felda: GWGF hantar memorandym

SUNGKAI 25 Dis. — Gabungan Wawasan
Generasi Felda (GWGF) akan menghantar
memorandum kepada kerajaan pada akhir
bulan ini bagi mendapatkan penjelasan ter-
perinci isu penyenaraian Felda Holdings Ber-
had di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Pengerusi GWGF, Tan Sri Rozali Ismail
berkata, sehingga ini kedudukan perkara itu
masih samar-samar, pihaknya tidak akan
bersetuju dengan cadangan tersebut.

“Memorandum itu adalah hasil perbincang-
an bersama pakar dalam bidang tertentu yang
terdiri daripada anak peneroka Felda,” kata-
nya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sam-
butan Aidilfitri Bersama Masyarakat Penero-
ka Felda di Felda Trolak Selatan, semalam.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir
Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004
pada 12 September mengumumkan keputus-
an kerajaan untuk menyenaraikan Felda pa-
da akhir tahun ini.

Bagaimanapun, pada 5 November, Perdana
Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi
menyatakan bahawa kerajaan menangguh-
kan keputusan tersebut bagi membolehkan
satu kajian teliti dibuat mengenainya terlebih
dahulu.

Rozali berkata, sehingga hari ini pihaknya
masih lagi tidak mengetahui butir-butir ter-
perinci mengenai faedah dan kepentingan
penyenaraian itu kepada peneroka.

“Jadi, pihak kami hendak melihat dahulu
sama ada penyenaraian Felda Holdings ke
BSKL akan memberi manfaat kepada penero-
ka atau tidak. Kemudian baru kami membuat
keputusan,” katanya.